

Diluluskan dalam LPU Bil. 3/2021 bertarikh 15 Julai 2021

**DASAR BAHARU LALUAN KERJAYA STAF AKADEMIK**  
**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

BUTIRAN	KETERANGAN
1. Tujuan	1.1 Menjelaskan pelaksanaan dasar laluan kerjaya baharu staf akademik UniSZA
2. Rujukan	2.1 <i>Orange Book: Strengthening Academic Career Pathways and Leadership Development</i> (Pengukuhan Laluan Kerjaya Akademik dan Pembangunan Kepimpinan)
3. Dasar baharu	<p>3.1 Pengurusan Universiti telah membuat ketetapan supaya melaksanakan Dasar Baharu Laluan Kerjaya Staf Akademik Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) mengikut laluan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Laluan Kerjaya Pengajaran</li> <li>ii. Laluan Kerjaya Penyelidikan</li> <li>iii. Laluan Kerjaya Kepimpinan Institusi</li> <li>iv. Laluan Kerjaya Amalan Profesional</li> </ul> <p>3.2 Laluan Kerjaya Kepimpinan adalah terpakai hanya kepada:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Jawatan Naib Canselor dan Timbalan-timbalan Naib Canselor yang dilantik oleh YB Menteri Kementerian Pengajian Tinggi;</li> <li>ii. Jawatan Kepimpinan yang dilantik oleh Lembaga Pengarah Universiti (jika berkaitan);</li> <li>iii. Jawatan Dekan, Pengarah, Timbalan Dekan dan Timbalan Pengarah yang dilantik oleh Naib Canselor.</li> </ul> <p>3.3 Jawatan Penyelaras, Ketua Pusat Pengajaran, Timbalan Dekan dan Timbalan Pengarah hanya boleh dilantik daripada kalangan staf akademik Gred 55/56, 53/54 dan 51/52. Walau bagaimanapun, dasar ini bergantung kepada keperluan semasa.</p> <p>3.4 Staf akademik Gred 45/DG41/44/48/52/54 tidak dibenarkan memegang jawatan pentadbir akademik. Walau bagaimanapun, dasar ini bergantung kepada keperluan semasa.</p>

	<p>3.5 Staf akademik Gred 51 dengan tempoh perkhidmatan kurang dari <b>TIGA (3)</b> tahun wajib berada di laluan kerjaya Umum. Manakala staf akademik Gred 51 dengan tempoh perkhidmatan <b>TIGA (3)</b> hingga <b>LIMA (5)</b> tahun di gred semasa dibenarkan memilih laluan kerjaya Umum, Pengajaran atau Penyelidikan. Staf akademik Gred 51 dengan tempoh perkhidmatan <b>LIMA (5)</b> tahun ke atas di gred semasa pula wajib memilih sama ada laluan kerjaya Pengajaran atau Penyelidikan. Tempoh yang ditetapkan ini adalah bagi memastikan staf akademik gred 51 yang baru dilantik mendapat pendedahan yang secukupnya dalam aspek Pengajaran dan Penyelidikan.</p> <p>3.6 Staf akademik yang dilantik ke Gred 52 dan ke atas wajib memilih laluan kerjaya Pengajaran atau Penyelidikan manakala bagi Pensyarah Perubatan Gred DU53 ke atas wajib memilih laluan kerjaya Pengajaran, Penyelidikan atau Amalan Profesional apabila mencapai tempoh perkhidmatan <b>TIGA (3)</b> tahun dan ke atas.</p>
4. Definisi Operasi kepada Dasar Baharu Laluan Kerjaya	<p>4.1 <b>Laluan Kerjaya Umum</b> Laluan ini memberi peluang kepada semua staf akademik gred 51 yang baru dilantik menguasai semua kriteria dan tanggungjawab sebagai seorang staf akademik dengan mendapat pendedahan yang secukupnya dalam aspek Pengajaran dan Penyelidikan. Laluan ini merupakan laluan asas sebelum seseorang staf akademik memilih mana-mana laluan kerjaya Pengajaran dan Penyelidikan.</p> <p>4.2 <b>Laluan Kerjaya Pengajaran</b> Laluan ini mengutamakan kriteria Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Ia memfokuskan kecemerlangan pengajaran dan pembelajaran (PdP) termasuk keupayaan menggunakan teknik-teknik PdP terkini yang relevan dengan perkembangan teknologi semasa. Staf akademik juga perlu menunjukkan keupayaan dalam aspek penyeliaan pelajar di semua peringkat pengajian.</p> <p>4.3 <b>Laluan Kerjaya Penyelidikan</b> Laluan ini mengutamakan kriteria penyelidikan, penerbitan, inovasi, perundingan, dan pengkomersialan. Staf akademik perlu mempamerkan pemikiran saintifik yang terkemuka mutunya untuk menghasilkan penyelidikan yang berimpak tinggi, penerbitan yang tersohor serta penglibatan inovasi sosial</p>

	<p>berimpak.</p> <p><b>4.4 Laluan Kerjaya Kepimpinan Institusi</b>  Laluan ini mengutamakan kriteria pengurusan dan kepimpinan. Ia memfokuskan kecemerlangan dan karisma dalam pengurusan serta kepemimpinan menerajui sesuatu PTJ. Staf akademik perlu mempamerkan keupayaan dalam kemahiran mempengaruhi, mempunyai pemikiran yang strategik dan sistematik, menguasai jati diri yang kental serta keupayaan mengurus dan mengawal emosi. Staf akademik perlu menunjukkan pencapaian yang cemerlang kepimpinannya dan memberi manfaat kepada PTJ.</p> <p><b>4.5 Laluan Kerjaya Amalan Profesional</b>  Laluan ini mengutamakan kriteria profesional atau klinikal. Pensyarah mempamerkan keupayaan dalam penglibatan bersama industri, agensi, badan profesional, masyarakat berkaitan dengan bidang kepakarannya. Ia memfokuskan kecemerlangan dalam amalan profesional, keahlian dalam badan yang diiktiraf dan menjadi pakar rujuk bidang dalam dan/atau luar negara.</p>										
5. Ringkasan Pemilihan Laluan Kerjaya	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Bil.</th><th>Kategori Staf</th><th>Pemilihan Laluan Kerjaya</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">1.</td><td>Staf akademik Gred DG41/44/48/52/54 (Guru Bahasa)</td><td rowspan="2">Laluan kerjaya Umum</td></tr> <tr> <td>Staf akademik Gred 45</td></tr> <tr> <td>Staf akademik Gred 51 (tempoh perkhidmatan kurang <b>TIGA (3)</b> tahun di gred semasa)</td><td rowspan="2"><b>Boleh memilih Laluan Kerjaya Umum ATAU Pengajaran ATAU Penyelidikan</b></td></tr> <tr> <td>Staf akademik Gred 51 (tempoh perkhidmatan antara <b>TIGA (3)</b> hingga <b>LIMA (5)</b> tahun di gred semasa)</td></tr> </tbody> </table>	Bil.	Kategori Staf	Pemilihan Laluan Kerjaya	1.	Staf akademik Gred DG41/44/48/52/54 (Guru Bahasa)	Laluan kerjaya Umum	Staf akademik Gred 45	Staf akademik Gred 51 (tempoh perkhidmatan kurang <b>TIGA (3)</b> tahun di gred semasa)	<b>Boleh memilih Laluan Kerjaya Umum ATAU Pengajaran ATAU Penyelidikan</b>	Staf akademik Gred 51 (tempoh perkhidmatan antara <b>TIGA (3)</b> hingga <b>LIMA (5)</b> tahun di gred semasa)
Bil.	Kategori Staf	Pemilihan Laluan Kerjaya									
1.	Staf akademik Gred DG41/44/48/52/54 (Guru Bahasa)	Laluan kerjaya Umum									
	Staf akademik Gred 45										
	Staf akademik Gred 51 (tempoh perkhidmatan kurang <b>TIGA (3)</b> tahun di gred semasa)	<b>Boleh memilih Laluan Kerjaya Umum ATAU Pengajaran ATAU Penyelidikan</b>									
Staf akademik Gred 51 (tempoh perkhidmatan antara <b>TIGA (3)</b> hingga <b>LIMA (5)</b> tahun di gred semasa)											

	<p>2. Staf akademik Gred 51 (tempoh perkhidmatan <b>LIMA (5)</b> tahun ke atas di gred semasa)</p> <p>Staf akademik Gred 52 dan ke atas</p> <p>3. Pensyarah Perubatan Gred DU53 dan ke atas (tempoh perkhidmatan <b>TIGA (3)</b> tahun ke atas)</p> <p>4. Staf akademik Gred 51 dan ke atas berjawatan Dekan <b>ATAU</b> Pengarah <b>ATAU</b> Timbalan Dekan <b>ATAU</b> Timbalan Pengarah (minimum <b>SATU (1)</b> lantikan di gred semasa)</p>	<p><b>Wajib memilih</b> Laluan Kerjaya Pengajaran <b>ATAU</b> Penyelidikan</p> <p><b>Wajib memilih</b> Laluan Kerjaya Pengajaran <b>ATAU</b> Penyelidikan <b>ATAU</b> Amalan Profesional</p> <p><b>Boleh memilih</b> Laluan Kerjaya Kepimpinan dalam tempoh memegang jawatan <b>ATAU</b> TIGA (3) tahun selepas memegang jawatan</p>
6. Penukaran Laluan Kerjaya	<p>6.1 Staf akademik dibenarkan untuk menukar laluan kerjaya <b>DUA (2)</b> kali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan di UniSZA.</p> <p>6.2 Tempoh minimum di antara pemilihan laluan kerjaya dengan penukaran laluan kerjaya kali pertama adalah <b>TIGA (3)</b> tahun. Penukaran laluan kerjaya kali kedua boleh dilakukan bila-bila masa selepas penukaran kali pertama.</p> <p>6.3 Permohonan pertukaran laluan kerjaya adalah tertakluk kepada perakuan Jawatankuasa Induk Laluan Kerjaya Universiti untuk pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti.</p>	
7. Keahlian Jawatankuasa Induk Laluan Kerjaya	<p>Pengerusi Timbalan Naib Canselor (Akademik &amp; Antarabangsa)</p> <p>Ahli</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan &amp; Inovasi) (Pengerusi Ganti)</li> <li>• Pendaftar</li> <li>• *Dua (2) orang wakil Senat Kanan</li> <li>• *Dua (2) orang wakil Dekan</li> </ul>	

	<p>*dilantik oleh Naib Canselor</p> <p>Sekretariat Timbalan Pendaftar (Bahagian Sumber Manusia)</p> <p>**Keahlian jawatankuasa adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa.</p>
8. Peranan Jawatankuasa Induk Laluan Kerjaya	<p>8.1 <b>Jawatankuasa Induk Laluan Kerjaya bertanggungjawab:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Memastikan Dasar Baharu Laluan Kerjaya ini adalah seiring dengan Pelan Strategik Universiti.</li> <li>ii. Menimbang sebarang cadangan yang diperakukan kepada JKPU berhubung pelaksanaan Dasar Baharu Laluan Kerjaya.</li> <li>iii. Menilai semula pelaksanaan Dasar Baharu Laluan Kerjaya dari semasa ke semasa.</li> <li>iv. Memperakukan peratusan agihan Staf Akademik mengikut laluan kerjaya berdasarkan kepentingan universiti.</li> <li>v. Memperakukan cadangan pemilihan laluan kerjaya Staf Akademik.</li> </ul>
9. Agihan Laluan Kerjaya	<p>9.1 Agihan Laluan Kerjaya Staf Akademik UniSZA adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Laluan Kerjaya Pengajaran: 40% - 60%</li> <li>ii. Laluan Kerjaya Penyelidikan: 20% - 30%</li> <li>iii. Laluan Kerjaya Amalan Profesional: 5% - 15%</li> <li>iv. Laluan Kerjaya Kepimpinan Institusi: 10% - 20%</li> </ul>
10. Tarikh Kuatkuasa	<p>10.1 Dasar Baharu Laluan Kerjaya Staf Akademik UniSZA akan berkuat kuasa pada 1 Julai 2021. Tempoh peralihan akan berakhir 31 Disember 2022.</p>